



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	8/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	-			

SPRM akan bertemu Idris

BH,8 Okt 2021_4

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan bertemu dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Udang, Datuk Seri Idris Haron, berhubung dakwaannya mengenai pembolotan projek ekonomi dan menipu Kerajaan Persekutuan berkaitan royalti pasir di Melaka.

SPRM dalam kenyataan semalam memaklumkan pihaknya memandang serius dakwaan Idris berhubung isu itu.

“Mana-mana pihak yang memiliki maklumat atau bukti salah laku rasuah dan penyelewengan berhubung isu berkenaan diminta tampil untuk memberi kerjasama kepada SPRM.

“Ingin ditegaskan bahawa ke-

gagalan melaporkan apa-apa salah laku di bawah Akta SPRM adalah satu kesalahan yang boleh didakwa mengikut Seksyen 25 Akta SPRM 2009.

“Selain itu, SPRM juga akan menghantar pegawai untuk mengadakan perjumpaan dengan Idris bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung isu terbabit,” katanya.

Media sebelum ini memetik Idris sebagai mendakwa ada pemimpin UMNO di Melaka membolot projek ekonomi dan menipu Kerajaan Persekutuan berkaitan royalti pasir.

Idris mengaitkan isu itu antara sebab beliau terpaksa menarik sokongan terhadap kerajaan negeri Melaka untuk menyelamatkan

kan UMNO daripada ditolak oleh rakyat pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Idris berkata, ribuan meter kubik pasir yang ditambak dari tengah laut dibawa ke Melaka, tetapi diisytihar dengan jumlah rendah, menipu Kerajaan Persekutuan dalam bentuk royalti.

Idris bersama tiga ADUN lain sebelum ini menarik sokongan daripada kepemimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali menyebabkan kerajaan negeri tumbang.

Bagaimanapun, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Rustam, membenarkan DUN Melaka dibubarkan bagi memberi laluan kepada PRN dalam tempoh 60 hari.